



EKONOMI

Kossan jadi pelanggan pertama air pulih guna dibekal Air Selangor



Kredit : FB Air Selangor

10/04/2021 12:31 AM

KUALA LUMPUR, 9 April – Kossan Rubber Industries Berhad (Kossan) menjadi pelanggan pertama air pulih guna daripada efluen terawat air kumbahan untuk kegunaan industri, yang dibekalkan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Air Selangor dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dalam kenyataan bersama menyatakan, air pulih guna untuk kegunaan industri bukan berdasarkan makanan dan minuman itu, dihasilkan oleh Central Water Reclamation Sdn Bhd (Central Water), yang mana Air Selangor memegang 60 peratus saham dan IWK pula 40 peratus.

“Central Water akan memulakan operasinya dengan penghasilan bekalan air pulih guna di loji rawatan di Setia Alam, yang akan seterusnya diagihkan Air Selangor kepada Kossan,

Page 1 of 2

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1950725>

Kossan jadi pelanggan pertama air pulih guna dibekal Air Selangor I Bernama

melalui jajaran paip khas dari loji rawatan air pulih guna Central Water, terus ke premis Kossan," menurut kenyataan itu hari ini.

Kenyataan itu menyatakan, Central Water hari ini menandatangani perjanjian bekalan air pulih guna secara pukal dengan Air Selangor, manakala perjanjian bagi bekalan air pulih guna kepada tiga anak syarikat milik Kossan, ditandatangani antara Air Selangor dan Kossan, yang merupakan antara pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia.

Tambah kenyataan itu, lanjutan daripada usaha tersebut, Air Selangor dan IWK melalui Central Water bakal mengenal pasti usahasama lain yang berkaitan dengan loji rawatan IWK termasuk lojinya di Pantai 2, Kuala Lumpur dan Seksyen 23, Shah Alam, bagi terus membangunkan industri bekalan air pulih guna untuk kegunaan pelbagai industri.

"Ini merupakan komitmen jangka panjang Air Selangor dan IWK, ke arah pembangunan industri air negara yang lebih cekap dan mampan, bagi mendokong sasaran negara dalam mengitar semula 33 peratus daripada efluen terawat negara pada 2030, di bawah Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030," menurut kenyataan itu.

Pada Mac lepas, Air Selangor dan IWK telah menandatangani perjanjian pemegang saham bagi memeterai usaha sama industri bekalan air pulih guna melalui syarikat tujuan khas Central Water.

Central Water ditubuhkan dengan misi untuk menerajui industri bekalan air pulih guna dengan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang sedia ada di samping memelihara alam sekitar.